

12 JAN 2001
Mahathir-Perpaduan
UMNO SETUJU BINCANG PERPADUAN MELAYU DENGAN PAS

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini bersetuju agar parti itu mengadakan pertemuan dengan Pas bagi membincang soal perpaduan Melayu dan akan menghadirinya dengan fikiran yang terbuka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob telah diminta berbincang dengan rakan sejawatannya dari Pas, Nasharudin Mat Isa, mengenai format dan logistik bagi pertemuan itu.

Umno tidak menolak untuk berbincang mengenai isu perpaduan nasional seperti yang dicadangkan oleh Presiden Pas Datuk Fadzil Noor tetapi berpendapat bahawa buat permulaan, lebih baik ia menumpukan kepada soal perpaduan Melayu, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di sini petang ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata parti itu telah dihubungi secara lisan oleh Pas mengenai persetujuan parti pembangkang itu menerima pelawaan Umno bagi pertemuan itu tetapi Parti Keadilan Nasional telah menolak jemputan itu melalui surat rasmi.

Dr Mahathir turut membacakan surat itu yang dihantar oleh presiden Parti Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Mesyuarat MT hari ini diadakan khas untuk membincangkan mengenai cadangan pertemuan mengenai perpaduan Melayu itu.

Dr Mahathir berkata Umno tidak dapat menentukan agenda dan butir-butir lanjut bagi perbincangan perpaduan itu kerana ia perlu berbincang dengan Pas terlebih dahulu.

"Kita akan bincang satu farmat yang boleh dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Kita tidak akan mengenakan syarat kepada mereka, (dan) mereka tidak akan mengenakan syarat kepada kita," katanya.

Apabila ditanya tentang pendirian Umno jika Pas ingin membincangkan mengenai perpaduan nasional, Dr Mahathir berkata: "Pendirian kita waktu ini, kita cuma sanggup berkenaan dengan perpaduan Melayu, ini tidak bermakna kita tolak perpaduan nasional, kita boleh bincang kemudian".

Beliau berpendapat perbincangan mengenai perpaduan Melayu itu sahaja boleh memakan masa yang panjang.

"Pertemuan itu telah dicadangkan kerana banyak pihak berpendapat bahawa perpecahan di kalangan Melayu agak terlalu ketara sehingga ia mempunyai kesan yang tidak baik bagi seluruh negara," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata bahawa pada mesyuarat hari ini semua anggota MT telah diberi peluang memberi pandangan mengenai pertemuan itu termasuk tentang tajuk, format dan pendirian tetapi tidak membuat apa-apa keputusan mengenai pendirian parti Umno berhubung perkara itu.

"Kita ingin membincangkan hal perpaduan Melayu ini dengan fikiran yang terbuka," katanya.

Beliau berkata biro politik Umno akan membincangkan lebih lanjut mengenai perkara itu dengan mengambil kira semua pandangan yang telah disuarakan oleh anggota MT.

Dr Mahathir juga berkata, MT telah menangguh keputusan mengenai butir-butir tentang pergerakan Puteri Umno kerana kesuntukan masa.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, cawangan Umno akan memulakan mesyuarat agung tahunan masing-masing pada Mac ini.

Tarikh akhir bagi menjelaskan yuran oleh anggota parti ditetapkan pada 31 Jan tahun ini, kata Abdullah yang juga Timbalan Presiden parti.

-- BERNAMA
AFY MK AFY MAI